

KUALA LUMPUR, 2 OGOS (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI SEBUAH MAKTAB LATIHAN GURU-GURU UGAMA AKAN DIBUKA TAHUN DEPAN.

DENGAN ADANYA MAKTAB ITU KELAK GURU-GURU UGAMA AKAN MENDAPAT KEMUDAHAN YANG LEBIH BAIK UNTUK BELAJAR MENJADI GURU UGAMA YANG BAIK, TAMBAHNYA.

BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN KESATUAN GURU-GURU UGAMA SEKOLAH RENDAH MALAYSIA BARAT DI SINI, BELIAU BERKATA DALAM MASA LIMA TAHUN AKAN DATANG KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN MELATIH LEBIH RAMAI LAGI GURU UGAMA.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN MENAMBAH, KEMENTERIANNYA JUGA TELAH MENERIMA KELULUSAN KEPUJIAN DALAM MATA PELAJARAN UGAMA ISLAM DIPERINGKAT SPM SEBAGAI SATU KEPUJIAN YANG DIPERLUKAN MEMASUKI LATIHAN GURU DALAM APA BIDANG PUN.

TEGASNYA, INI MERUPAKAN BAGAIMANA KERAJAAN MEMBERI PENGHARGAAN KEPADA PELAJARAN UGAMA DAN BERHARAP GURU-GURU UGAMA MENYEDARI HAKIKAT ITU DENGAN MEMBERI PERHATIAN SEPENUHNYA TERHADAP MATA PELAJARAN UGAMA SECARA LEBIH BERKESAN. -- BERSAMBUNG 1818/AI

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

1/31

DR. MAHATHIR JUGA BERHARAP MURID-MURID SEKOLAH SUPAYA DIBEDAHKAN KEPADA TAMADDUN DAN KESUCIAN ISLAM SUPAYA MEREKA LEBIH MEMAHAMI SELOK-BELOK UGAMA DAN KEBUDAYAAN ISLAM.

DENGAN MEMAHAMI TENTANG KEBESARAN SERTA KESUCIAN UGAMA DAN KEBUDAYAAN ISLAM, MURID-MURID AKAN BERTAMBAH BERMINAT TERHADAP UGAMANYA DAN DENGAN ITU JUGA SEGALA AJARAN UGAMA ISLAM ITU LEBIH MUDAH MERESAPI JIWA KANAK-KANAK ITU.

KATANYA, SEGALA USAHA UNTUK MEMPENGARUHI KANAK-KANAK ISLAM DENGAN AJARAN DAN AMALAN YANG SALAH DAN BERTENTANGAN DENGAN AJARAN ISLAM YANG SEBENARNYA, KERANA KEPENTINGAN SESUATU PERJUANGAN LAIN HENDAKLAH DIAWASI.

MENURUTNYA INI ADALAH KERANA BUKAN SAHAJA AKAN MENYESATKAN PARA PELAJAR TETAPI BOLEH MENGHALANG MEREKA DARIPADA MENCAPAI KEMAJUAN PELAJARAN YANG LEBIH TINGGI.

BELIAU JUGA MENYERU UMAT ISLAM SUPAYA SAMA-SAMA BERTANGGUNGJAWAB MELETAKKAN BALIK UGAMA ISLAM DI TEMPAT YANG SEWAJARNYA KERANA PADA MASA SILAM NEGARA-NEGARA BARAT BUKAN ISLAM DI EROPAH MENCONTOHI KEMAJUAN YANG DICAPAI OLEH DUNIA ISLAM DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI.

DR. MAHATHIR MENYERU KESATUAN ITU SUPAYA MEMBERI KERJASAMA DAN SOKONGAN SEPENUHNYA KEPADA KERAJAAN KETIKA NEGARA MENGHADAPI ALCAMAN KEGANASAN KOMUNIS KERANA UGAMA ISLAM ADALAH MENENTANG FAHAMAN KOMUNIS. -- BERNAMA 1824/AI

Respon Item 620

MAHATHIR--UGAMA 3 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA 621 DAN 622)

SEMENTARA ITU DALAM KATA-KATA ALUAN BUKU CENDERAMATA SEMPERNA MESYUARAT AGUNG PERSATUAN GURU-GURU UGAMA MENENGAH PERSEKUTUAN TANAH MELAYU YANG AKAN BERLANGSUNG DI IPOH ESOK, DR. MAHATHIR BERKATA:

NEGARA DAN BANGSA MELETAKKAN KEPERCAYAAN YANG TINGGI KEPADA KEMAMPUAN PARA GURU UGAMA UNTUK MEMBERI KHIDMAT YANG PENUH DEDIKASI DAN TANGGUNG JAWAB TANPA MENGHARAPKAN SESUATU BALASAN.

BELIAU JUGA BERKATA, NASIB BANGSA DAN NEGARA DIMASA DEPAN ADALAH BERGANTUNG KEPADA NILAIAN PENDIDIKAN YANG SANGGUP DIBERIKAN KEPADA PARA PELAJAR.

UNTUK MENJADIKAN MEREKA MAJU DALAM KEHIDUPAN, SETANDING DENGAN LAIN-LAIN BANGSA DAN BERKEUPAYAAN MENGHADAPI CABARAN ZAMAN DAN MEMIKUL TANGGUNG JAWAB KEPIMPINAN, PELAJARAN UGAMA DAN PELAJARAN AKADEMIK SAMA MEMPUYAI PERANAN PENTING KE ARAH MEMBENTUK KEPERIBADIAN DAN MEMBIMBING MEREKA KE ARAH KEHIDUPAN YANG MAJU DAN DIREDAI ALLAH. --BERNAMA 1852/BY